

02/02/2000

Bank Utama sasar tiga sektor

Misiah Taib

BANK Utama (Malaysia) Bhd (Bank Utama) mensasarkan sektor pembuatan, pertanian serta industri kecil dan sederhana (IKS) sebagai bidang pertumbuhan utama pinjamannya alaf baru ini.

Presiden yang juga Ketua Pegawai Eksekutifnya, Abdullah Mat Noh berkata, bank itu juga mulai tahun ini akan mempertingkatkan pengeluaran pinjaman perumahan.

Seperti bank lain, beliau berkata, Bank Utama telah banyak belajar (daripada krisis kewangan yang berlaku sebelum ini) dan kini lebih menitik berat soal kualiti serta nilai pinjaman yang dikeluarkan, daripada memikirkan soal kuantiti.

Abdullah juga tidak dapat mendedahkan peratus pertumbuhan pinjaman yang dikeluarkan Bank Utama tahun lalu, namun mengesahkan pihaknya tidak dapat memenuhi sasaran minimum lapan peratus yang ditetapkan Bank Negara Malaysia.

Beliau memberitahu pemberita demikian selepas menyerahkan tajaan korporat bagi penganjuran persidangan 'Sarawak 2000 & Beyond' kepada penganjur, MRS Management Sdn Bhd, di Kuching, semalam.

Pada majlis itu, Abdullah menyampaikan tajaan korporat kepada Pengarah Urusan MRS, Kristine Liew.

Persidangan antarabangsa yang akan berlangsung pada 21 dan 22 Mac ini akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Orang ramai boleh mendapatkan maklumat mengenai persidangan itu menerusi laman web persidangan 'Sarawak 2000 & Beyond' di alamat <http://www.visitsarawak.com/sarawak2000> atau menghubungi urus setia penganjur di nombor 082-242412/422340 atau faks 427488.

Mengenai sistem perbankan Islam, Abdullah berkata kaunter ke-14 bank itu akan dibuka di Cawangan Rasah Jaya, Seremban, Negeri Sembilan, hari ini.

"Sejak kami memulakan perkhidmatan perbankan Islam pada 1994, kami menerima sambutan menggalakkan daripada pelanggan sehingga Bank Utama muncul antara bank yang memainkan peranan utama dalam menawarkan perkhidmatan terbabit.

"Jika semuanya berjalan lancar, kami juga bercadang menawarkan perkhidmatan sama di cawangan Johor tidak lama lagi," katanya.

Bank Utama kini mempunyai 34 cawangan iaitu 15 di Sarawak, 16 di Semenanjung, dua di Sabah dan sebuah di Labuan.

Diperbadankan sebagai syarikat awam pada 26 Mac 1976, modal saham dibenarkan bank itu ialah RM1 bilion, manakala modal saham berbayarnya sebanyak RM800 juta.

(END)